

DATE: 8 / 10 / 2007

# Budaya ilmu diutamakan

**K**EPALA BATAS: Malaysia akan terus menjadi negara maju dan berjaya pada peringkat global sekiranya dapat meneruskan kesinambungan melahirkan generasi masa depan yang bijak serta mempunyai pelbagai ilmu pengetahuan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata generasi masa depan akan menjadi modal insan berkualiti tinggi, sekali gus meneruskan pembangunan dan kemajuan negara.

Justeru katanya, kerajaan komited meningkatkan sistem dan mutu pelajaran supaya dapat melahirkan lebih ramai modal insan yang mampu memacu pembangunan negara.

"Antaranya, kerajaan memansuhkan yuran peperiksaan dan persekolahan bagi memberi peluang kepada se-

mua kanak-kanak mendapat pelajaran di sekolah tanpa apa-apa bayaran," katanya selepas berbuka puasa di Masjid Jamek Lahar Kepar di sini, malam tadi.

Abdullah turut menyerahkan kunci Kios Runcit Hadhari 4B yang terletak di depan masjid berkenaan dan akan dikendalikan Gerakan Belia 4B di Lahar Kepar.

Kios berharga RM16,500 itu dibina sebagai usaha mengembalikkan kegemilangan masjid sebagai pusat kegiatan dan institusi umat Islam, termasuk dalam kegiatan ekonomi.

Selepas majlis berbuka puasa, Abdullah menunaikan solat tarawih di Surau Paya Keladi Hujung sebelum meluangkan masa minum air nira di Lahar Yooi dan menghadiri program *Singgah Sahur TV3* di Rumah Anak Yatim Taman Bakti.

BH - 8/10/2007

PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION